

12) PENEROKA JALAN PAPAN, PANDAMARAN

Adun : Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu peneroka Jalan Papan selepas peneroka kalah dalam mahkamah?**
- b) Adakah kerajaan dapat memohon pemaju untuk membina RSKU / Rumah Idaman untuk penempatan peneroka?**

Jawapan bagi Soalan (a) dan (b) akan dijawab bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan meneliti penyelesaian alternatif dan berunding dengan pemaju bagi menyelesaikan penempatan semula peneroka bandar selaras dengan prinsip situasi menang-menang dengan mengambil kira kebajikan mereka.

Sekiranya pihak pemaju mempunyai kekangan untuk melaksanakan pembangunan tersebut, Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan penawaran Rumah Selangorku (RSKU) kepada peneroka bandar sekiranya terdapat pembangunan RSKU lain di kawasan Daerah Klang.

Namun begitu, pihak pemaju perlu memenuhi serta melaksanakan segala syarat-syarat pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN Ke 13/2017 bertarikh 5 April 2017, iaitu dengan membina Rumah Selangorku Jenis B (Pangsapuri) dan Rumah Teres Selangorku Jenis D. Rumah yang dibina ini akan diberi keutamaan kepada peneroka bandar yang terkesan.

Pihak pemaju perlu memperuntukkan sebanyak 58 unit daripada 95 unit Rumah Selangorku Jenis B dan 123 unit Rumah Teres Selangorku Jenis D yang dijual pada harga RM99,000.00 seunit kepada peneroka bandar. Perincian pembangunan Rumah Selangorku adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Perincian Komponen Rumah Selangorku

KELULUSAN MMKN KE 13/2017 5 APRIL 2017			
KOMPONEN PEMBANGUNAN	SAIZ (KPS)	BIL. UNIT	KUOTA JUALAN BUMIPUTERA (MINIMA)
Rumah Selangorku Jenis B (RM99,000.00)	850	95*	* 58 unit untuk penempatan semula Peneroka Bandar * 37 unit untuk jualan awam
Rumah Selangorku Jenis D (RM220,000.00)	1,000	159	50%
JUMLAH KECIL (A)		254	
Rumah Teres Selangorku Jenis D (RM99,000.00)	1,400 (20'x70')	123	Penempatan semula Peneroka Bandar
JUMLAH KECIL (B)		123	
JUMLAH BESAR (A) + (B)		377	

